

27 JUL 2001

Abdullah-Sekretariat

BADAN BEBAS TELITI RAYUAN KES DISIPLIN ANGGOTA UMNO

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Sebuah sekretariat bebas akan ditubuhkan bagi meneliti rayuan anggota Umno berkaitan dengan tindakan disiplin yang dikenakan terhadap mereka oleh Lembaga Disiplin Umno, kata Timbalan Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya sekretariat itu akan menghalusi setiap rayuan yang diterima dan jika ada asas, rayuan itu akan dikemukakan kepada Majlis Tertinggi (MT) untuk keputusan muktamad.

"Dalam hal ini MT akan berfungsi sebagai lembaga rayuan bagi kes-kes disiplin itu," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat MT yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabat parti di sini.

Katanya sekretariat itu akan diketuai oleh seorang anggota lembaga disiplin parti Datuk Mohamad Zuki Kamaluddin manakala anggota lain akan dilantik kemudian.

"Datuk Zuki telahpun dimaklumkan mengenai pelantikan itu," kata Abdullah.

Menurut beliau Mohamad Zuki akan mengemukakan nama-nama anggotanya kepada MT untuk diluluskan.

Ketika ditanya bilakah sekretariat itu akan memulakan tugasnya, Timbalan Perdana Menteri berkata: "Sekretariat itu mahu menjalankan tugas secepat mungkin,"

Abdullah, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti, berkata mesyuarat MT memutuskan tidak akan menerima sebarang aduan yang dikemukakan anggota parti berkaitan kes disiplin, selepas sebulan persidangan perwakilan Umno bahagian diadakan, pada masa depan.

"Had tempoh ialah dalam masa sebulan selepas persidangan perwakilan Umno bahagian. Ini kerana masih ada lagi macam-macam aduan yang dikemukakan...selepas sebulan, kita tidak akan terima atau pertimbangkan," katanya.

Berikutan pemilihan parti peringkat bahagian pada Mac lepas, 15 anggota parti termasuk seorang anggota MT dan lima ketua bahagian, didapati bersalah kerana mengamalkan politik wang.

Antara tindakan yang dikenakan termasuk dipecat dari jawatan, digantung hak memilih, hak dipilih dan dilantik untuk sebarang jawatan dalam parti selama enam tahun.

Mengenai Puteri Umno, Abdullah berkata mesyuarat MT bersetuju supaya kedudukan sayap parti itu diteruskan sebagai jawatankuasa penaja sehingga hujung tahun ini sebelum ia ditubuhkan secara rasmi.

"Kepimpinan Puteri akan ditentukan secara pemilihan pada dua peringkat di cawangan dan bahagian," kata Abdullah.

Puteri Umno, yang kini dipimpin oleh ketua penajanya Azalina Othman Said, dianggotai wanita berumur 35 tahun ke bawah manakala ketua penajanya bawah umur 40 tahun.

-- BERNAMA

ZAI NZ AHH RON